


Perpustakaan Negara Malaysia

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA



Laporan Program Galakan Membaca 2018
Perpustakaan Negara Malaysia

2018 © Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA

E-ISSN 2710-639X

1. Reading Promotion—Malaysia.
 2. Reading interest—Malaysia.
 3. Book and reading—Malaysia.
- I. Perpustakaan Negara Malaysia
028.909595



Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur
Tel: 03-2687 1700
Faks: 03-2694 2490



Bil.	Kandungan	Muka Surat
1.	Sekapur Sireh	1
2.	Dasar Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia	2
3.	Program Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia	3-31
	•Kem Membaca 1 Malaysia	
	•Jom Baca Bersama 10 Minit	
	•WORLD#QuranHour	
	•Secangkir Kopi dan Sebuah Buku: Membaca Pada Usia Emas	
4.	Program Literasi Media dan Maklumat	32-39
5.	Program Pembudayaan Tulisan Jawi	40-56
	•Kem Tulisan Jawi	
	•Karnival Semarak Jawi	
6.	Statistik Pelaksanaan Program Perpustakaan Awam Negeri dan Perpustakaan Desa	57-59
7.	Program Galakan Membaca Perpustakaan Awam Negeri	60-62
8.	Program Galakan Membaca Perpustakaan Desa PNM	63-67
9.	Statistik Program Galakan Membaca 2018	68-70

Sekapur Sirih



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak urus setia atas penerbitan Laporan Galakan Membaca 2018. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai urus setia Program Galakan Membaca Kebangsaan sentiasa komited terhadap usaha menggalakkan serta melahirkan masyarakat Malaysia yang membaca dan celik ilmu pengetahuan. Hal ini selari dengan objektif Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030 iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berbudaya membaca dan menjadikan rakyat Malaysia berilmu bertaraf dunia.

Program galakan membaca sama ada dari aspek penganjuran program atau promosi melalui media sosial dan medium media massa lain hendaklah dipergiatkan agar kesedaran kepentingan membaca dapat dipertingkatkan serta sampai kepada semua lapisan masyarakat terutamanya generasi muda. Program dan pengisian program juga hendaklah selari dengan trend dan minat masyarakat masa kini iaitu, lebih interaktif, kreatif dan inovatif seiring dengan peranan pustakawan dan perpustakaan sebagai pusat sehenti maklumat dalam era revolusi industri 4.0.

Penerbitan Laporan Galakan Membaca 2018 merupakan usaha Perpustakaan Negara Malaysia dalam mengumpulkan maklumat program galakan membaca sebagai rujukan semua pihak dalam menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan membaca.

Harapan saya agar laporan ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan rujukan dan panduan dalam melaksanakan pelbagai program galakan membaca yang menarik dan berkesan di masa depan seterusnya dapat melahirkan masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.

YBHG. DATO' NAFISAH BINTI AHMAD

Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia



Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia

'Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu'

Dasar ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006)

(Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu :

"menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca."





KEM MEMBACA 1MALAYSIA (KM1M) 2018



Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) Peringkat Kebangsaan 2018 telah diadakan pada 3 hingga 5 April 2018. Program anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memasuki tahun ke-9 penganjurannya ini telah memilih negeri Perak sebagai tuan rumah. Majlis Pelancaran KM1M telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sulaiman bin Wak, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia pada 3 April 2018 di SMK Bandar Baru Putra, Ipoh, Perak. Majlis turut dihadiri oleh Puan Siti Aishah Sheikh Ab Kadir, Pengarah Perkhidmatan Korporat mewakili Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Penganjuran program ini bermatlamat untuk menerapkan nilai cintakan ilmu dan budaya membaca bagi melahirkan generasi pelapis yang cerdas dalam mempersiapkan mereka menghadapi persaingan arus globalisasi.

PNM sebagai rakan strategik telah bersama-sama menjayakan pelbagai program galakan membaca sepanjang tiga hari pelaksanaan KM1M 2018. Pengisian utama PNM ialah Bengkel Literasi Media dan Maklumat yang melibatkan 308 peserta terdiri dari pelajar tingkatan 3 dari lima buah sekolah menengah iaitu SMK Bandar Baru Putra, SMK Jalan Tasek, SMK Ulu Kinta, SMK Bercham dan SMK Tanjung Rambutan. Bengkel ini bertepatan dengan usaha kerajaan dalam meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti. Peluang dan ruang perlu diberi kepada semua golongan tanpa mengira latar keturunan mahu pun taraf sosio ekonomi agar semua mendapat manfaatnya. Tidak terkecuali golongan pelajar yang merupakan nadi penggerak kepada pembinaan tamadun.

KM1M turut dimeriahkan dengan penyertaan dari Perbadanan Kota Buku, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perbadanan Perpustakaan Awam perak, dan syarikat swasta seperti Ana Muslim, Teman Pintar, Koloni Karyawan Aman Jaya, Grolier dan Clay Creative. Aktiviti lain KM1M termasuklah pameran dari pelbagai agensi, bengkel penulis muda, melukis ilustrasi buku, resensi buku, *folk stories*, reka cipta bahan terpakai dan jejak maklumat.



MAJLIS PERASMIAN KEM MEMBACA 1 MALAYSIA 2018

GALERI KEM MEMBACA 1MALAYSIA (KM1M) 2018



Sesi Literasi Media dan Maklumat

JOM BACA BERSAMA

10 MINIT 2018



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2018 PERINGKAT KEBANGSAAN

Program “Jom Baca Bersama 10 Minit 2018” merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta.

Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2014. Pada tahun 2018, program ini diperkasakan dengan penglibatan semua masyarakat melalui persepakatan pintar antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang mensasarkan seramai 6 juta penyertaan berbanding 5.8 juta pada tahun lalu.

Program ini merupakan inisiatif ke arah membentuk masyarakat minat membaca dan berilmu pengetahuan tinggi. Ia merupakan sokongan perpustakaan di seluruh Malaysia bersama-sama pihak kerajaan untuk meningkatkan pembudayaan membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk:

- Menyemarak amalan membaca sebagai gaya hidup rakyat Malaysia;
- Menggarap kolaborasi semua agensi dalam menyemai semangat cintakan ilmu dalam kalangan warga Malaysia menerusi program galakan membaca;
- Pimpin menjadi ikon membaca kepada rakyat.



PELAKSANAAN PROGRAM

Program “Jom Baca Bersama 10 Minit 2018” telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, institusi pendidikan – universiti dan sekolah, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan (NGO) pada 24 April 2018, jam 11.00 – 11.10 pagi.

Majlis Perasmian Program “Jom Baca Bersama 10 Minit 2018” Peringkat Kebangsaan telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Katı, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan dan telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK).

Statistik penyertaan Program “Jom Baca Bersama 10 Minit 2018” Peringkat Kebangsaan adalah sebanyak 1,200 penyertaan di mana para peserta adalah terdiri daripada pelajar-pelajar tadika, sekolah rendah dan menengah, institusi pendidikan tinggi dan jabatan kerajaan sekitar Kuala Kangsar. Manakala statistik penyertaan peringkat PNM adalah sebanyak 700 penyertaan.



PENGISIAN AKTIVITI

Jom Baca Bersama 10 Minit (*Let's Read Together*)

YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah, KSU KPK bersama semua jemputan membaca secara senyap selama 10 minit pada jam 11.00 – 11.10 pagi sebagai simbolik kepada program ini. Lintas langsung antara perpustakaan konsortium u-Pustaka antaranya Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Pustaka Negeri Sarawak, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Awam Perlis dan Perpustakaan Kuala Lumpur turut diadakan sepanjang sesi ini berlangsung.

Penghargaan Kepada Peminjam Aktif 2017

YB Datuk KSU KPK telah menyampaikan sijil penghargaan dan hadiah kepada Peminjam Aktif Peringkat Negeri Perak 2017. Senarai peminjam aktif peringkat kebangsaan 2017 adalah seperti berikut:

- Kategori Dewasa: Vinod Edgar Shanker a/l Vejaya Shanker
- Kategori Remaja: Nur Asimah Azhar
- Kategori Kanak-kanak: Nur Erlina Sufia Abdullah
- Kategori OKU: Wong Wai Kin

Persembahan Teromba

Persembahan Teromba “Budaya Membaca” telah dijayakan oleh Prof Madya Dato’ Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin, pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Forum Sembang Orang Muda: Bibliofil

Forum diadakan bagi mengupas cabaran membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi Y pada masa kini. Forum ini telah dikendalikan oleh Encik Muhamad Hanapi Jamaludin, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pendidikan Majlis Belia Malaysia selaku moderator bersama-sama tiga orang ahli panel berikut:

- a) Encik Jufitri Joha (Presiden Majlis Belia Malaysia)
- b) Encik Ahmad Mohamad Salleh
(Setiausaha Kehormat Majlis Belia Negeri Perak)
- c) Encik Khairul Anwar El Syazalli Musa
(Penyelaras Zon Federasi Kebangsaan Pekerja Belia)

PENGISIAN AKTIVITI

Antara aktiviti yang telah diadakan bersempena dengan program ini adalah seperti berikut:

Aktiviti Galakan Membaca

- Seronoknya Jawi
- Aktiviti Mewarna
- Eksplorasi Maklumat
- *Books Exchange*

Pameran/ Demonstrasi Jabatan dan Agensi:

- Perkhidmatan Perpustakaan Digital
- Dr.Buku
- Jualan Buku oleh Edaran Pintar Sdn. Bhd. dan Grollier
- Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak dari Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak.

Pameran dari agensi kerajaan seperti:

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Kangsar
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan Kuala Kangsar
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Perak
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Perak
- Pejabat Kesihatan Kuala Kangsar
- Polis DiRaja Malaysia Kuala Kangsar

Pameran dan jualan dari pengusaha industri kecil dan sederhana tempatan iaitu:

- Clay Kreatif Enterprise
- Koloni Karyawan Aman Jaya
- Permainan Tradisional dari Jabatan Warisan Negara Zon Tengah

GALERI
PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2018
PERINGKAT KEBANGSAAN



YBhg. Datuk Rashidi Hasbullah (Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan) menyampaikan ucapan perasmian dan seterusnya menyempurnakan simbolik perasmian "Program Jom Baca Bersama 10 Minit 2018" Peringkat Kebangsaan.



Sesi Jom Baca Bersama 10 Minit 2018 sedang berlangsung.



Barisan tetamu kehormat bergambar bersama penerima sumbangan bahan bacaan dan peminjam aktif peringkat negeri Perak 2017.

GALERI
PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2018
PERINGKAT KEBANGSAAN



YBhg. KSU KPK dan YBhg. KP PNM menyempurnakan lukisan canting batik Jom Baca Bersama 10 Minit yang direka khas oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Negeri Perak



Persembahan Bicara Berirama daripada Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan Ad-Dinniah



Persembahan Teromba
‘Budaya Membaca’ daripada Prof Madya Dato’ Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin



Diskusi Pembacaan, Sembang Orang Muda: Bibliofil Mulanya Dari Keluarga yang dijayakan oleh Majlis Belia Malaysia telah



Sesi bergambar beramai-ramai bersama tetamu kehormat dan para jemputan

Pelbagai menarik yang telah diadakan sepanjang program berlangsung.



Aktiviti Kolaj Jawi

Demonstrasi baik pulih buku bersama
Dr. Buku



Permainan Tradisional bersama Jabatan Warisan Negara




Sumbangan bahan bacaan “Give and Take”

STATISTIK PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

BIL	JABATAN/INSTITUSI	2015	2016	2017	2018
1.	Perpustakaan Gunasama	-	4,671	11,800	5,767
2.	Perpustakaan Desa	-	63,493	65,498	-
3.	Perpustakaan Awam Negeri	2,542,639	4,180,789	5,208,065	5,279,026
4.	Perpustakaan Negara Malaysia	1,500	1,123	1,115	1,900
5.	IPTA/IPTS	-	-	6,000	4,541
6.	Jabatan Berkanun/Swasta	-	-	7,325	-
7.	Komuniti				
8.	Tadika/Pra Sekolah				
9.	Facebook	-	-	509,249	548,328
JUMLAH KESELURUHAN		2,544,139	4,250,076	5,804,052	5,839,562

BIL.	PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI	2015	2016	2017	2018
1.	Johor	468,921	633,017	1,500,061	1,100,090
2.	Kedah	29,493	81,675	174,458	225,717
3.	Kelantan	26,050	37,683	67,442	328,299
4.	Kuala Lumpur	76,855	247,629	245,715	246,322
5.	Melaka	158,649	173,857	200,528	200,600
6.	Negeri Sembilan	242,201	243,675	243,761	243,808
7.	Pahang	218,725	301,265	326,493	356,032
8.	Perak	6,133	391,684	473,152	423,462
9.	Perlis	8,153	48,067	42,121	50,408
10.	Pulau Pinang	295,118	526,072	477,854	498,748
11.	Sabah	1,020	101,126	156,808	99,476
12.	Sarawak	140,436	242,874	154,344	246,235
13.	Selangor	638,776	850,481	837,992	973,923
14.	Terengganu	232,109	301,684	307,336	285,906
JUMLAH KESELURUHAN		2,542,639	4,180,789	5,208,065	5,279,026



•A World of Compassion•

WORLD #QuranHour

...a beginning

22 Ramadan 1439H / 7 Jun 2018

World #QuranHour 2018

Program *World#QuranHour* merupakan langkah membentuk perilaku masyarakat agar amalan membaca Al-Quran diterapkan dan membentuk akhlak yang mulia serta modal insan di dalam diri semua insan. Ia juga secara tidak langsung meningkatkan usaha mendekatkan Al-Quran dalam kalangan masyarakat.

Program *World#QuranHour 2018* telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, institusi masjid, institusi pendidikan-universiti dan sekolah, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan NGO pada 7 Jun 2018 bersamaan 22 Ramadan 1439H pada jam 12.00 - 1.00 tengah hari.

PENGISIAN AKTIVITI

Satu Jam Bersama Al-Quran (*WORLD #QuranHour*)

Sesi membaca Al-Quran secara serentak selama 1 jam di seluruh negara pada jam 12.00 - 1.00 tengah hari telah diadakan bersempena dengan *World #QuranHour 2018*. Seramai 536 orang peserta yang terdiri daripada para jemputan iaitu agensi bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK), Majlis Belia Malaysia (MBM), pelajar Pusat Tahfiz sekitar Kuala Lumpur dan Selangor, pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh sekitar Kuala Lumpur, penghuni rumah-rumah anak yatim sekitar Kuala Lumpur, kakitangan perpustakaan gunasama dan kakitangan PNM telah menjayakan sesi ini.

Ceramah Agama

Ceramah agama yang bertajuk "Adab Pembaca Al-Quran" telah disampaikan oleh Datuk Dr. Haji Zahazan Mohamed (Pengarah Urusan Telaga Biru Sdn. Bhd.) Ceramah ini memberi kupasan tentang adab yang perlu diikuti semasa membaca Al-Quran dan peranan kita menteladani apa yang terkandung di dalam Al-Quran.

Sesi Tadabbur dan Tadarus Al-Quran

Datuk Dr. Haji Zahazan Mohamed (Pengarah Urusan Telaga Biru Sdn. Bhd.) telah mengetuai sesi tadabbur Al-Quran manakala sesi tadarus Al-Quran pula diketuai oleh ustaz dari Sekolah Integrasi Gombak.

PENGISIAN AKTIVITI

Sesi Literasi Media dan Maklumat

Sesi Literasi Media dan Maklumat turut diadakan bersempena dengan program ini dan telah dikendalikan oleh Encik Yazid Ibrahim dan Encik Lai Sow Woon, Pustakawan PNM. Sesi ini disertai oleh sekolah berasrama penuh sekitar Kuala Lumpur dan Selangor serta pelajar-pelajar pusat tahfiz sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Persembahan Nasyid

Persembahan nasyid turut diadakan bersempena dengan Program *World #QuranHour* oleh Kumpulan Nasyid Saujana.

Ceramah Ihya Ramadan

Ceramah Ihya Ramadan yang bertajuk "Menjiwai Ramadan: Detik 10 Malam Terakhir" telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Fahmi bin Rusli, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Majlis Berbuka Puasa dan Solat Berjemaah

Majlis berbuka puasa dan solat maghrib, isyak dan sunat tarawih secara berjemaah turut diadakan sebagai penutup kepada Program *World#QuranHour 2018*.

GALERI PROGRAM World #QuranHour 2018



Majlis Perasmian Program World #QuranHour 2018



Bicara Ilmu :Adab Pembaca Al-Quran

GALERI PROGRAM World#QuranHour 2018



Sesi tadabbur &tadarus Al-Quran



Persembahan Nasyid oleh
Kumpulan Saujana



Ceramah Ihya Ramadhan




Majlis Berbuka Puasa



Penyampaian Sumbangan Kepada
Anak Yatim

“Secangkir Kopi dan Sebuah Buku : Membaca Pada Usia Emas”



“SECANGKIR KOPI DAN SEBUAH BUKU : MEMBACA PADA USIA EMAS”

Program “Secangkir Kopi dan Sebuah Buku : Membaca Pada Usia Emas” bertujuan menyemarakkan lagi minat dan aktiviti pembacaan dalam kalangan golongan pesara serta penglibatan menyeluruh Jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan. Ini bagi memastikan kesinambungan aktiviti pembacaan agar sentiasa berterusan dan perkhidmatan perpustakaan dapat digunakan secara maksimum oleh golongan pesara dalam usaha memastikan diri mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif dan inovatif, mampu menjadi figura contoh kepada masyarakat terutama dalam bidang keilmuan, budaya berfikir dan pembangunan ummah.

PELAKSANAAN PROGRAM

Program “Secangkir Kopi dan Sebuah Buku : Membaca Pada Usia Emas” telah diadakan di Bilik Serbaguna, Perpustakaan Negara Malaysia pada 7 Ogos 2018 (Selasa) bermula pada jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato’ Haji Wan Mahmood bin Pa’wan Teh, Presiden Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia.

PENGISIAN AKTIVITI

Bacaan Kegemaran Saya (BKS)

YBhg. Dato’ Nik Mohd. Kamil Nik Daud, Timbalan Yang DiPertua Persatuan Pesara Kerajaan Wilayah Persekutuan dan Tuan Zyed Ahmad Hassan (Penulis) telah berkongsi pengalaman dan mengulas bahan bacaan kegemaran mereka di dalam segmen Bacaan Kegemaran Saya (BKS).

Forum “Membaca Pada Usia Emas”

Forum “Membaca Pada Usia Emas” telah dijayakan oleh YBhg. Dato’ Hj. Mohd. Shariff bin Osman, Yang Di-Pertua Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia Wilayah Persekutuan dan Puan Hasmah Hitam (penulis). Forum ini mengupas cabaran dalam usaha menggalakkan masyarakat membaca terutamanya dalam kalangan warga emas. Forum ini dikendalikan oleh Encik Muhamad Hanapi Jamaludin daripada Majlis Belia Malaysia (MBM) selaku moderator.

GALERI GAMBAR PROGRAM

“SECANGKIR KOPI & SEBUAH BUKU : MEMBACA PADA USIA EMAS”



Ucapan Aluan oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Majlis Perasmian oleh YBhg. Tan Sri Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh,



Sesi Bacaan Kegemaran Saya Bersama YBhg. Dato' Nik Mohd. Kamil Nik Daud, Timbalan Yang Di-Pertua Persatuan Pesara Kerajaan Wilayah Persekutuan dan Tuan Zyed Ahmad Hassan (Penulis)



Forum “Membaca Pada Usia Emas” Bersama YBhg. Dato' Hj. Mohd. Shariff bin Osman, Yang Di-Pertua Persatuan Pesara Kerajaan Wilayah Persekutuan dan Pu-an Hasmahan Hitam (Penulis)

**GALERI GAMBAR
PROGRAM**
“SECANGKIR KOPI & SEBUAH BUKU : MEMBACA PADA USIA EMAS”



Peserta-peserta program



Pameran, Jualan Buku dan Pendaftaran u-Pustaka



Sesi Bergambar

Karnival
**BELIA MEMBACA
& HARI TERBUKA
UTM KUALA LUMPUR**

KARNIVAL BELIA MEMBACA DAN HARI TERBUKA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR 2018

Pepustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTM KL) telah menganjurkan Karnival Belia Membaca dan Hari Terbuka UTM KL 2018. Pengajuran program yang pertama kali diadakan ini bertujuan mempertingkatkan lagi minat dan aktiviti pembacaan dalam kalangan belia seterusnya menjadikan mereka sebagai pemacu pembangunan negara.

OBJEKTIF PROGRAM

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk:

- Meningkatkan kesedaran dan minat membaca dalam kalangan belia sebagai satu cara hidup dan amalan seharian;
- Membantu melahir dan mewujudkan belia yang bermaklumat melalui penerapan budaya membaca dan cintakan ilmu;
- Menjadikan perpustakaan sebagai sebuah organisasi pembelajaran melalui pelbagai aktiviti galakan membaca yang dijalankan; dan
- Mempromosikan perkhidmatan PNM Digital dan u-Pustaka dalam kalangan belia.

PELAKSANAAN PROGRAM

- Karnival Belia Membaca dan Hari Terbuka UTM KL telah dilaksanakan pada 27 November 2018 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur.
- Seramai 913 peserta yang terdiri daripada kakitangan dan para pelajar UTM KL, kakitangan Perpustakaan Gunasama berdekatan, persatuan-persatuan belia, pelajar-pelajar sekolah menengah dan universiti sekitar Kuala Lumpur serta orang awam telah menyertai program ini.
- Majlis Perasmian Karnival Belia Membaca dan Hari Terbuka UTM KL 2018 telah diadakan di Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid, UTM KL dan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

PENGISIAN AKTIVITI

1. Sesi Bedah Filem

Sesi Bedah Filem ini telah dijayakan oleh Encik Jufitri Joha, Presiden Majlis Belia Malaysia. Beliau telah mengupas dan berkongsi pandangan mengenai filem "Pulang" arahan Khabir Bhatia. Sesi ini disertai oleh seramai 42 peserta.

2. Sembang Orang Muda "Membaca Pencetus Minda Kelas Pertama"

Forum ini diadakan bagi mengupas cabaran dalam membudayakan amalan membaca dalam kalangan generasi Y pada masa kini dan telah dikendalikan oleh Tuan Sayed Munawar Sayed Mustar, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kota Buku selaku moderator bersama-sama 2 orang ahli panel iaitu Encik Zamri Mohamed (Penulis) dan Aktivis Pembacaan) Dr. Zahrah Yunos (Penulis Buku) Sesri ini dihadiri oleh seramai 103 orang peserta.

3. Bengkel Dari Tesis Kepada Buku

Bengkel menerbitkan tesis kepada buku ini telah disertai oleh 20 orang pelajar-pelajar Master dan PhD UTM KL sebagai memberi panduan kepada mereka mengenai cara-cara dan prosedur bagi menerbitkan tesis kepada buku. Bengkel ini telah diadakan dengan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia yang dikendalikan oleh Encik Suhaimi Abdul Rahman. Seramai 20 peserta telah menyertai bengkel ini.

4. Perkongsian Ilmu: Warisan Puisi Melayu Jangan Dibiar Layu

Perkongsian ilmu berkaitan keindahan warisan puisi Melayu ini telah dijajakan oleh Puan Siti Salamah Mohd Shihad, yang merupakan mantan Ketua Pentadbiran UTM KL. Sesi ini dihadiri oleh seramai 53 orang peserta.

5. Pameran Puisi Sepanjang Jalan Kenangan

Pameran 15 puisi karya penulis tempatan turut diadakan di ruang legar Perpustakaan Sultan Zanariah UTM KL bersempena dengan program Karnival Belia Membaca dan Hari Terbuka UTM KL 2018.

PENGISIAN AKTIVITI

6. Aktiviti Pembudayaan Tulisan Jawi

Aktiviti pembudayaan tulisan jawi dan berbagai aktiviti menarik seperti "Kuiz Tulisan Jawi", "Syoknya Jawi", "Pertandingan Khat Jawi" dan "Sahibba Jawi" telah diadakan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari para pengunjung. Seramai 200 orang telah mengunjungi gerai pembudayaan tulisan jawi dan 100 orang peserta telah menyertai aktiviti jawi yang telah diadakan.

7. Promosi Keahlian u-Pustaka

Promosi pendaftaran keahlian u-Pustaka turut diadakan sempena program ini dan seramai 50 orang telah mendaftar sebagai ahli u-Pustaka semasa program ini.

8. Tukar dan Baca

"Tukar dan Baca" merupakan aktiviti yang telah diadakan bagi memboleh para pengunjung program ini untuk bertukar buku antara satu sama lain secara percuma. Seramai 200 orang pengunjung telah menyertai aktiviti ini.

9. Demo Bersama Dr. Buku

Sesi Bersama Dr. Buku turut diadakan bagi memberi pendedahan kepada para pengunjung tentang teknik-teknik pembaikan dan penjagaan buku yang betul. Seramai 40 orang telah menyertai sesi pembaikan buku yang telah diadakan.

10. Jualan Bahan Bacaan Oleh:

Antara penerbit yang terlibat dengan jualan ini ialah Telaga Biru, Telaga Ilmu, Lejen Press, Galeri Ilmu, Karya Pis, Iman Publication, Legasi Oakheart, Dubook Press, Perkaba, Mobile Book Cafe dan Ujana Ilmu.

GALERI
KARNIVAL BELIA MEMBACA DAN HARI TERBUKA UTM KL 2018



YBhg. Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin
Pro Naib Canselor Universiti Teknologi
Malaysia menyampaikan ucapan aluan.



YBhg. Dato' Nafisah Ahmad
Ketua Pengarah Perpustakaan
Negara Malaysia menyampaikan
ucapan perasmian.



YBhg. Dato' Nafisah Ahmad
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia me-
nyempurnakan gimik perasmian



Tetamu Kehormat bergambar bersama
penerima sumbangan bahan bacaan di
Karnival Membaca Belia dan Hari Terbuka
UTM KL 2018.

GALERI KARNIVAL BELIA MEMBACA DAN HARI TERBUKA UTM KL 2018



Sesi Bergambar Program Karnival Membaca Belia dan Hari Terbuka UTM KL 2018.



YBhg. Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin, Pro Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia menulis tulisan khat jawi.

Kaunter promosi keahlian u-Pustaka mendapat sambutan dari pengunjung.



PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT





Sepanjang tahun 2018, sebanyak 70 program Literasi Media dan Maklumat (LMM) telah dilaksanakan di seluruh Malaysia. Manakala jumlah keseluruhan peserta seramai 5,500 orang. Bagi program *Training of Trainers (TOT)*, sebanyak 9 program telah dilaksanakan dengan jumlah peserta seramai 930 orang.

STATISTIK RINGKAS LMM 2018

KATEGORI	SASARAN		PENCAPAIAN	
	Bilangan program	Bilangan peserta	Bilangan program	Bilangan peserta
LMM UMUM	45	2000	61	4,570
LMM TOT	5	550	9	930
JUMLAH :	50	2,550	70	5,500

Kategori TOT:

BIL	KATEGORI PESERTA TOT (TAHUN 2018)	BILANGAN PROGRAM	BILANGAN PESERTA
1.	Guru Perpustakaan dan Media (GPM)	3	378
2.	Pensyarah	1	138
3.	Staf Perpustakaan	2	58
4.	Pengawas PSS/Pelajar SMK	1	308
5.	Lain-lain (Staf BTP, INTAN)	2	48
	JUMLAH :	9	930

GALERI LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT



Bengkel LMM *Training of Trainers* (ToT) kepada Guru Perpustakaan dan Media (GPM) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di Negeri Kelantan (LMM TOT GPM Kelantan)



Bengkel Eksplorasi Perpustakaan Digital PNM dan Literasi Maklumat & Media kepada kakitangan ADTEC Jerantut

GALERI LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT



Bengkel Ekplorasi Perpustakaan Digital dan Literasi Media dan Maklumat Di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Kulim Kedah



Bengkel Ekplorasi Perpustakaan Digital dan Literasi Media dan Maklumat Di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Samarahan, Sarawak



Program Minggu Literasi Media dan Maklumat (LMM) diadakan bersempena sambutan Global Media & Information Literacy Week oleh UNESCO. Program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan literasi maklumat secara global amnya dan dalam kalangan rakyat Malaysia khasnya.

Sambutan Minggu Literasi Media dan Maklumat/ *Media and Information Literacy Week* merupakan landasan kepada pihak berkepentingan untuk menelusuri perkembangan dan pencapaian yang diperolehi. Sambutan ini adalah ukuran kepada tahap kemajuan

Buat julung kalinya, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengadakan sambutan Minggu LMM yang diadakan serentak di seluruh dunia oleh pelbagai organisasi kerajaan, institusi pendidikan, pengantara teknologi, persatuan, NGO, kumpulan penyelidikan, pendidik, profesional media, pembuat dasar, pengawal selia dan pengamal selain dari perpustakaan dan profesional maklumat sendiri.

OBJEKTIF



Mempromosikan LMM sebagai satu inisiatif dan usaha bagi menyokong seruan kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang cintakan ilmu pengetahuan, bermaklumat yang berkualiti dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat;



Mengukur pencapaian dan perkembangan pelaksanaan LMM di setiap organisasi yang terlibat;



Mendedahkan peserta kepada kemahiran dan kepentingan literasi maklumat yang merangkumi teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika;

PELAKSANAAN PROGRAM

Program ini dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Guru Muda Malaysia Kuala Lumpur (GMMKL) dan Cyber Security Malaysia pada 24 Oktober hingga 1 November 2018 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 1,178 peserta telah menyertai program ini.

PENGISIAN PROGRAM

1. Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM)

Bengkel LMM telah diadakan berterusan sepanjang minggu tersebut. Bengkel menggunakan sepenuhnya modul LMM yang telah dibangunkan dan dikendalikan oleh pegawai dari pasukan LMM PNM. Pengisian bengkel ini merangkumi ceramah, ujian kefahaman tahap literasi maklumat, kuiz, refleksi minda, aktiviti berkumpulan dan latihan secara *hands-on* pangkalan data dan enjin pencarian terpilih.

2. Pameran LMM

Pameran LMM bertemakan Literasi Maklumat: Kuasai Dunia dengan Ilmu Pengetahuan telah diadakan bagi memberi peluang kepada pengunjung dan orang awam meningkatkan pengetahuan mengenai kepentingan literasi media dan maklumat dalam kehidupan seharian. Kuiz *info hunt* turut diadakan sepanjang minggu tersebut. Pengisian pameran adalah seperti berikut:-

- Pengenalan dan Latar Belakang LMM PNM
- Pengenalan Literasi Media dan Maklumat mengikut definisi global
- Mengenal Pasti Keperluan Maklumat
- Pencarian Maklumat Berkesan
- Penilaian Maklumat
- Pengurusan Maklumat
- Etika Penilaian Maklumat
- Penyebaran Maklumat
- Transformasi LMM melalui In4Skill
- u-Pustaka dan Perkhidmatan Sumber Elektronik PNM
- Info pameran dari Perpustakaan Awam Negeri
- Booklet pameran turut disediakan sebagai panduan lanjut berkenaan dengan LMM

3. CyberSafe@Library

CyberSafe@Library adalah program berkonsepkan keselamatan maklumat secara maya. Program ini diadakan dengan kerjasama Cyber Security Malaysia. Sasaran peserta adalah pelajar sekolah rendah dan menengah. Dua aktiviti utama yang dilaksanakan adalah ceramah “*Safer Internet for All*” dan Eksplorasi Maklumat

4. Forum Literasi Media dan Maklumat

Forum LMM diadakan bertujuan memberi ruang kepada perkongsian amalan terbaik yang dilaksanakan oleh institusi dalam membudayakan literasi media dan maklumat kepada organisasi masing-masing. Ahli panel Forum adalah seperti berikut:-

- Dr. Khasiah Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Encik Yazid Ibrahim, Penolong Pengarah Kanan/ Ketua SME LMM Perpustakaan Negara Malaysia
- Dr. Tan Shyh Mee, Guru Sekolah Kebangsaan Kajang
- Puan Katrun Nada binti Haji Hashim (Moderator), Timbalan Pengarah Kanan PBN

5. LMM In4Skill @ GMMKL

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Guru Muda Malaysia Kuala Lumpur (GMMKL). Kumpulan sasaran adalah ibu bapa, pelajar dan pengunjung. Pengisian program adalah ceramah *google education* dan hands on portal pembelajaran Vle Frog.



GALERI MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT



Forum: "Literasi Maklumat Sebagai Pemangkin Pembelajaran Sepanjang Hayat"

Ahli panel: Dr. Khasiah Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr. Tan Shyh Mee, Guru Sekolah Kebangsaan Kajang dan Ecik Yazid bin Ibrahim, Penolong Pengarah Kanan/Ketua SME LMM Perpustakaan/Negara Malaysia.

Moderator: Puan Katrun Nada Haji Hashim, Timbalan Pengarah Kanan Pusat Bibliografi Negara.



Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) dan Ceramah "Safer Internet for All"

PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI



**KEM
TULISAN
JAWI 2018**

KEM TULISAN JAWI 2018

PNM selaku Urus Setia Program Pembudayaan Tulisan Jawi peringkat kebangsaan komited melaksanakan pelbagai program ke arah menyemarakkan pembudayaan tulisan Jawi melalui pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi kepada pelbagai golongan sasaran. Pengajuran Kem Tulisan Jawi 2018 diadakan bagi membimbing para peserta mendalamai pedagogi pengajaran awal Jawi berdasarkan Modul Kem Cemerlang Jawi oleh KPM.

Kem Tulisan Jawi 2018 merupakan anjuran bersama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) dan Majlis Dakwah Negara (MDM). Kem ini telah diadakan di Dewan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Persatuan Sejarah Malaysia, Anjung Wisma Sejarah pada 2 Julai 2018 hingga 3 Julai 2018. Kem ini disertai oleh seramai 178 orang yang terdiri daripada guru-guru dari seluruh Malaysia, orang persendirian dan kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia.

Penceramah Kem Tulisan Jawi

- Ustaz Muhammad Nasir bin Arshad, PPD Perak
- Ustaz Mansor bin Mohammad, SK Jelor, Pasir Putih Kelantan
- Ustaz Muhammad Fuad bin Ahmad Tajuddin, SK Desa Tasik, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur
- Ustaz Abdul Hafiz bin Ahmad, SK Bandar Baru Bangi, Selangor
- Ustazah Dalilah binti Desa, SK Mempedai, Wilayah Persekutuan Labuan
- Ustazah Jumisara binti Chamili, SK Bandar Batu Pahat, Johor

Pengisian Program:

Pendaftaran keahlian:

- u-Pustaka dan Rakan Dewan DBP

Pameran inovasi:

- Kad j-SI-kaedah sambung huruf
- KAD RAUNAQ & SMARTIES
- SMART AF
- EZ Jawi
- Putarku SerBA SerBI
- HIJJAQ Kiub

Pameran inovasi:

- AWJAD
- Jawi AZ-ZAHRA
- j-BLOK JAWI

Gerai Jualan:

- Perpustakaan Negara Malaysia
- Persatuan Sejarah Malaysia
- Ujana Ilmu (DBP)
- Al- Amin
- Telaga Biru & pertunjukkan robotic
- Syarikat Permainan Malaysia dan jualan khat

Liputan Berita Kem Tulisan Jawi 2018

KERATAN AKHBAR

JUDUL : BeritaRTM

TARIKH : Selasa, 3 Julai 2018

PNM Kumpul 4,884 Manuskrip Melayu Asli

- Julai 3, 2018 , Ditulis oleh BeritaRTM, Published in Nasional



Foto - Bernama

KUALA LUMPUR – Bagi mempromosikan tulisan jawi, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengumpulkan 4,884 naskhah manuskrip Melayu asli dalam tulisan itu yang merangkumi pelbagai bidang perkara.

Ketua Pengarahnya Datuk Nafisah Ahmad berkata menjadi tanggungjawab PNM untuk mengumpulkan manuskrip tersebut yang berada di seluruh dunia. Beliau berkata kepada Bernama ketika ditemui selepas upacara penutup Kem Tulisan Jawi 2018 di Wisma Sejarah di sini.

Kem Tulisan Jawi 2018 yang berlangsung selama dua hari bermula semalam mengumpulkan seramai 177 peserta dari seluruh negara. Ia ialah program julung kali dianjurkan PNM bersama Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan; Dewan Bahasa dan Pustaka; Persatuan Sejarah Malaysia dan Majlis Dakwah Negara.

Datuk Nafisah berkata ada manuskrip tulisan jawi yang dikesan di negara-negara lain seperti Rusia dan Hawaii, Amerika Syarikat tetapi malangnya pihaknya tidak boleh membawa balik manuskrip tersebut kerana ia telah menjadi harta bagi negara tersebut.

Beliau berkata institusi lain yang turut menyimpan manuskrip Melayu ialah Library of Congress di United States of America, Leiden University Library di Belanda, The South African Library di Afrika Selatan, British Library dan Cambridge University Library di United Kingdom, Bibliothek Hamburg di Jerman dan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

((BERNAMA))

Liputan Berita Kem Tulisan Jawi 2018

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online
TARIKH : Selasa, 3 Julai 2018

PNM kumpul 4,884 manuskrip Melayu asli

Tarikh kemaskini: 03/07/2018



Gambar fail

KUALA LUMPUR, 3 Julai (Bernama)- Bagi mempromosikan tulisan jawi, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengumpulkan 4,884 naskhah manuskrip Melayu asli dalam tulisan itu yang merangkumi pelbagai bidang perkara.

Ketua Pengarahnya Datuk Nafisah Ahmad berkata menjadi tanggungjawab PNM untuk mengumpulkan manuskrip tersebut yang berada di seluruh dunia.

"Semua naskhah ini adalah tulisan tangan asli, tidak bercetak dan dikategorikan sebagai manuskrip Melayu.

"PNM juga sedang mempromosikan naskhah ini kepada khalayak kerana kita sebenarnya kaya dengan pelbagai ilmu sejak zaman dahulu lagi," katanya kepada Bernama ketika ditemui selepas upacara penutup Kem Tulisan Jawi 2018 di Wisma Sejarah di sini hari ini.

Kem Tulisan Jawi 2018 yang berlangsung selama dua hari bermula semalam mengumpulkan seramai 177 peserta dari seluruh negara. Ia ialah program julung kali dianjurkan PNM bersama Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan; Dewan Bahasa dan Pustaka; Persatuan Sejarah Malaysia dan Majlis Dakwah Negara.

Datuk Nafisah berkata ada manuskrip tulisan jawi yang dikesan di negara-negara lain seperti Rusia dan Hawaii, Amerika Syarikat tetapi malangnya pihaknya tidak boleh membawa balik manuskrip tersebut kerana ia telah menjadi harta bagi negara tersebut.

Beliau berkata institusi lain yang turut menyimpan manuskrip Melayu ialah Library of Congress di United States of America, Leiden University Library di Belanda, The South African Library di Afrika Selatan, British Library dan Cambridge University Library di United Kingdom, Bibliothek Hamburg di Jerman dan Perpustakaan Nasional Republik Indonesia.

Liputan Berita Kem Tulisan Jawi 2018



GALERI KEM TULISAN JAWI 2018



Pameran Inovasi Jawi, Gerai Jualan dan Aktiviti



Majlis Penutup Kem Tulisan Jawi 2018



Sesi Bergambar Kem Tulisan Jawi 2018





Karnival Semarak Jawi 2018 merupakan kali ke-6 dan telah diadakan di Kompleks Penghulu Mukim Sungai Balang, Muar Johor pada 19 hingga 20 Oktober 2018. Karnival ini bertujuan menyemarakkan penulisan, pembacaan dan pembelajaran tulisan Jawi dalam komuniti setempat khususnya dan masyarakat di Johor amnya.

Objektif karnival ini ialah:

- Mendekatkan masyarakat dengan budaya dan pembacaan tulisan jawi;
- Menarik minat masyarakat kepada seni dan budaya jawi yang berunsurkan seni kaligrafi;
- Memberi pendedahan tentang inovasi terkini tulisan jawi dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi di Malaysia; dan
- Memartabatkan tulisan jawi sebagai khazanah tulisan bangsa Melayu yang perlu dipelihara dan dipertahankan.

PELAKSANAAN PROGRAM

Karnival Semarak Jawi 2018 telah dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor, Pejabat Daerah Muar, Majlis Dakwah Negara, Pejabat Parlimen Muar, Kompleks Penghulu Mukim Sungai Balang, Pejabat Pendidikan Daerah Muar, Pejabat Pendidikan Islam Daerah Muar, Majlis Perbandaran Muar, Pejabat Penerangan Daerah Muar, Pejabat Kadi Daerah Muar, Pejabat Kesihatan Daerah Muar, KEMAS Daerah Muar, Persatuan Seni Khat Kebangsaan Negeri Johor, Telaga Biru Sdn. Bhd, Johor Corporation dan Yayasan Warisan Johor. Karnival ini berkonsep santai dan majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Jamil Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seramai 2181 orang peserta dan pengunjung telah hadir ke program ini. Mereka terdiri daripada pelajar taska/tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institut pengajian tinggi awam dan swasta, penjawat awam (guru, pensyarah, agensi/jabatan pelbagai bidang), penggiat jawi dan khat, penerbit buku dan orang awam.

JUMLAH PESERTA MENGIKUT KATEGORI



GALERI KARNIVAL SEMARAK JAWI 2018



Ucapan aluan daripada YBhg. Dato' Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' Jamil Rakon, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Pendidikan Malaysia



Perasmian Karnival Semarak Jawi 2018



Penerima sumbangan buku dan pemenang Pertandingan Eja Jawi



Lawatan daripada YB Syed Saddiq, Menteri Belia dan Sukan Malaysia, sebagai tanda sokongan terhadap Karnival Semarak Jawi 2018

GALERI KARNIVAL SEMARAK JAWI 2018



Lawatan ke gerai pameran dan jualan



Baca Cerita Jawi Yok

Blcara Inovasi Jawi HIJJAQ

Bengkel Khat



Jom Eja Jawi

Kuiz Jawi

Pantas Jawi

GALERI AKTIVITI KARNIVAL SEMARAK JAWI 2018



Bengkel Klinik Jawi



Pertandingan Kolaj Jawi



Pendaftaran U-Pustaka



Dr. Buku



Pertandingan Kata Hikmah

LIPUTAN BERITA KARNIVAL SEMARAK JAWI 2018

		KERATAN AKHBAR
JUDUL	: Mingguan Malaysia	
TARIKH	: Ahad, 21 Oktober 2018	
		M/S : 8

8 DALAM NEGERI

Pertahan tulisan jawi

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
perseparang@utusan.com.my

* MUAR 20 OKT.

TULISAN Jawi yang digunakan sejak abad ke-14 tidak wajar diinggirkan kerana ia merupakan tulisan diti orang Melayu Islam yang seharusnya bergerak seiring dengan perkembangan zaman. Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, Aku Bahagia kerana banyak orang tahu jelas menyebut jawi merupakan tulisan bagi bahasa kebanggaan di dunia ini.

Menurutnya, tulisan jawi juga tidak terhad untuk orang Melayu sahaja, namun adalah tulisan bagi semua komuniti negara ini kerana sejak dahulu hingga hari ini, itu dicetaktar dalam buku-buku negara.

"Tulisan rumi yang diperkenalkan penerjemah sahaja dan bukanlah dibanting dan dengan tulisan jawi dan hanya termasuk dalam rasm ihsan negara mencapai kemerdekaan. Pada masa sama kita men-

dapat masyarakat Cina dan India masih menggunakan tulisan mereka sendiri dan tulisan bangsa mereka. Jadi, seharusnya tulisan jawi ini dipertahankan untuk kita meminggirkannya tulisan jawi ini kepada masyarakat dunia. Bang, iaiti diri orang Melayu," katanya.

Sebagai pengalaman pertama Karnival Semarak Jawi 2018 di sini hari ini, ia adalah kesempatan baik buat bincang-bincang mengenai tulisan jawi yang turut hadir Ketua Setiausaha oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Pendidikan (Pengetahuan) Dr. Muhamad Aimy Ahmad dan Ketua Bahagian Penyelidikan Bahasa, Jabatan Data dan Penilaian (JDP), Dr. Ruzmadi Baharudin.

Menurutnya, tujuh ahli pihak diminta menyampaikan semula tulisan jawi kerana boleh dianggap sebagai tulisan rasm ihsan kedua negara selepas rumi.

"Terdapat lebih 10,000 ma-

nuscrip Melayu klasik bertulisan jawi dilancarkan sebagai biodang di pelbagai institusi dalam dan luar negara termasuk di Inggeris, Belanda, Amerika Syarikat, Rusia, Jerman, Perancis dan India.

"Penyelidikan tentang tulisan jawi ini perlu diperbaikkan untuk menggalang ilmu yang terdapat di dalamnya agar ia dapat bersanding dengan perkembangan ilmu pada masa ini," katanya.

Dr. Ruzmadi berkata, "Berdasarkan maklumat yang diberikan, masyarakat dunia dalam tulisan jawi boleh diteruskan jika meningkat dengan sejaya dan PNM serta DBP perlu mengambil tanggungjawab untuk menerbitkan bahan bacaan itu."

Dalam padan itu, beliau turut menambah bahawa Melayu bertulisan jawi sebagai simbol kerana merupakan usaha penerokaan dan pengembangan semula tulisan jawi serta harus dicontohi oleh akhbar lain.

Semarakkan tulisan jawi – Maszlee

Muhamad Aimy Ahmad , 20 Oktober 2018 2:21 PM <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/semarakkan-tulisan-jawi-maszlee-1.771408>



JAMIL RAKON (tengah) merasmikan Karnival Semarak Jawi 2018 sambil diiringi Nafisah Ahmad (dua kanan) dan Rusmadi Baharudin (dua kiri) serta tetamu kehormat lain di Sungai Balang, Muar hari ini. - UTUSAN ONLINE

Semua pihak perlu menyemarakkan semula tulisan jawi kerana boleh dianggap sebagai tulisan rasmi kedua negara selepas rumi yang digunakan sebagai tulisan utama sejak abad ke-14.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, terdapat lebih 10,000 manuskrip Melayu klasik bertulisan jawi dalam pelbagai bidang di pelbagai institusi dalam dan luar negara termasuk di England, Belanda, Amerika Syarikat, Rusia, Jerman, Perancis dan India.

Menurutnya, penyelidikan terhadap manuskrip itu perlu diperbanyak untuk menggali ilmu yang terdapat dalamnya dan disesuaikan pula dengan perkembangan ilmu pada masa ini.

“Penulisan pelbagai bidang ilmu dalam tulisan jawi boleh diteruskan jika mendapat sokongan semua pihak. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) perlu mengambil tanggungjawab sosial untuk menerbitkan bahan bacaan bertulisan jawi.

“Penerbitan Utusan Melayu bertulisan jawi sebagai sisipan juga dilihat sebagai suatu usaha positif dalam menyemarakkan semula tulisan jawi. Semoga usaha murni ini dicontohi oleh akhbar-akhbar lain,” katanya ketika merasmikan Karnival Semarak Jawi 2018 di Sungai Balang, sebentar tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan, Datuk Jamil Rakon.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah PNM, Datuk Nafisah Ahmad dan Ketua Bahagian Penyelidikan Bahasa Jabatan Dasar dan Penyelidikan DBP, Dr. Rusmadi Baharudin. - UTUSAN ONLINE

LIPUTAN BERITA KARNIVAL SEMARAK JAWI 2018

Pertahan tulisan jawi

Muhamad Aimy Ahmad pengarang@utusan.com.my 21 Oktober 2018 3:00 AM



MUAR 20 OkT. - Tulisan jawi yang digunakan sejak abad ke-14 tidak wajar dipinggirkan kerana melambangkan jati diri orang Melayu Islam yang seharusnya bergerak seiring dengan tulisan rumi. Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 secara jelas menyebut jawi merupakan tulisan bagi bahasa kebangsaan di samping tulisan rumi. Menurutnya, tulisan jawi juga tidak terhad untuk orang Melayu Islam, malah menjadi tulisan bagi semua kaum di negara ini kerana sejak dahulu hingga kini tulisan itu dicetak pada wang kertas negara.

"Tulisan rumi yang diperkenalkan penjajah masih sangat baharu jika dibandingkan dengan tulisan jawi dan hanya termaktub dalam akta selepas negara mencapai kemerdekaan.

"Pada masa sama kita mendapati masyarakat Cina dan India masih mempertahankan bahasa dan tulisan bangsa mereka. Jadi, amat tidak wajar untuk kita meminggirkan tulisan jawi yang menjadi lambang jati diri orang Melayu," katanya dalam majlis perasmian Karnival Semarak Jawi 2018 di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan, Datuk Jamil Rakon. Yang turut hadir Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Datuk Nafisah Ahmad dan Ketua Bahagian Penyelidikan Bahasa, Jabatan Dasar dan Penyelidikan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Rusmadi Baharudin.


Oleh itu, semua pihak diminta menyemarakkan semula tulisan jawi kerana boleh dianggap sebagai tulisan rasmi kedua negara selepas rumi.

"Terdapat lebih 10,000 ma-nuskrip Melayu klasik bertulisan jawi dalam pelbagai bidang di pelbagai institusi dalam dan luar negara termasuk di England, Belanda, Amerika Syarikat, Rusia, Jerman, Perancis dan India. "Penyelidikan terhadap manuskrip itu perlu diperbanyak untuk menggali ilmu yang terdapat di dalamnya dan disesuaikan pula dengan perkembangan ilmu pada masa ini," katanya.

Tegasnya, pelbagai bidang ilmu dalam tulisan jawi boleh diteruskan jika mendapat sokongan semua pihak dan PNM serta DBP perlu mengambil tanggungjawab untuk menerbitkan bahan bacaan itu.

Dalam pada itu, beliau turut memuji penerbitan Utusan Melayu bertulisan jawi sebagai sisipan kerana merupakan usaha positif dalam menyemarakkan semula tulisan jawi serta harus dicontohi oleh akhbar lain.

STATISTIK PELAKSANAAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI DAN PERPUSTAKAAN DESA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA




STATISTIK PROGRAM/ AKTIVITI PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI 2018

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 30,083 aktiviti telah dilaksanakan di Perpustakaan Awam Negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Manakala jumlah penyertaan program/aktiviti bagi tahun 2018 ialah 7,599,139 orang. Statistik ini adalah berdasarkan statistik yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia

BIL.	NEGERI	PROGRAM/ AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
1.	Johor	235	1,134,312
2.	Kedah	1,559	130,960
3.	Kelantan	295	67,348
4.	Melaka	1,403	70,969
5.	Negeri Sembilan	471	292,146
6.	Pahang	2,849	199,537
7.	Perak	2,759	918,740
8.	Perlis	661	118,229
9.	Pulau Pinang	7,025	1,921,608
10.	Sabah	1,226	150,383
11.	Sarawak	1,020	183,370
12.	Selangor	8,481	1,969,410
13.	Terengganu	2,053	435,351
14.	WP Kuala Lumpur	19	4,700
15.	WP Labuan	4	527
16.	WP Putrajaya	23	1,549
JUMLAH		30,083	7,599,139

Sumber: Bahagian Penyelidikan Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia



STATISTIK PROGRAM/ AKTIVITI PERPUSTAKAAN DESA PNM 2018

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 45,597 aktiviti telah dilaksanakan di Perpustakaan Desa Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Manakala jumlah penyertaan program/aktiviti bagi tahun 2018 ialah 1,160,841 orang. Statistik ini adalah berdasarkan statistik yang diterima oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

BIL.	NEGERI	PROGRAM/AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
1.	Johor	2,319	49,944
2.	Kedah	6,686	176,145
3.	Kelantan	3,929	72,898
4.	Melaka	4,080	101,046
5.	Negeri Sembilan	4,267	103,088
6.	Pahang	2,090	76,526
7.	Perak	3,095	81,725
8.	Perlis	3,065	52,594
9.	Pulau Pinang	2,749	62,468
10.	Sabah	3,965	81,338
11.	Sarawak	2,505	100,997
12.	Selangor	1,564	29,846
13.	Terengganu	5,151	165,387
14.	WP Labuan	132	6,839
JUMLAH		45,597	1,160,841

Sumber: Bahagian Penyelidikan Perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia



PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI

GALERI PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI



GALERI PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI





PERPUSTAKAAN
desa

**PROGRAM
GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN DESA PNM**

**GALERI PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN DESA**



Jom Baca Bersama 10 Minit



GALERI PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN DESA



WORD#QuranHour



GALERI PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA



Aktiviti Kraft dan Mewarna



GALERI PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN DESA





STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2018

BILANGAN PROGRAM/AKTIVITI DAN PENYERTAAN KHALAYAK SELURUH PERPUSTAKAAN DI MALAYSIA PADA TAHUN 2018

Jenis Perpustakaan	Parameter Statistik		
	Bilangan Perpustakaan	Jumlah Program/Aktiviti	Jumlah Penyertaan Khalayak (Orang)
Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)	1	98	18,820
Perpustakaan Komuniti PNM	4	23	599
Perpustakaan Awam Negeri (PAN)	343	30,083	7,599,139
Perpustakaan Desa (PD)	1,102	62,646	1,720,695
i. PD PNM	512	45,597	1,160,841
ii. PD PAN	590	17,049	559,854
Perpustakaan Khusus	1,156	2,307	434,766
i. Agensi/Jabatan Kerajaan Persekutuan	557	2,002	383,851
ii. Badan Berkanun/Agensi Swasta GLC dan lain-lain	599	305	50,915
Perpustakaan Akademik	457	1,066	412,417
i. Universiti Awam	20	773	364,780
ii. Universiti/Kolej Universiti Swasta	64	137	24,533
iii. Kolej/Institusi Swasta	373	156	23,104
Jumlah	3,063	96,223	10,186,436



Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

Program/Aktiviti: 98
Penyertaan Khalayak: 18,820 orang



Perpustakaan Komuniti PNM

Program/Aktiviti: 23
Penyertaan Khalayak: 599 orang



Perpustakaan Awam Negeri (PAN)

Program/Aktiviti: 30,083
Penyertaan Khalayak: 7,599,139 orang



Perpustakaan Desa

Program/Aktiviti: 62,646
Penyertaan Khalayak: 1,720,695 orang



Perpustakaan Khusus

Program/Aktiviti: 2,307
Penyertaan Khalayak: 434,766



Perpustakaan Akademik

Program/Aktiviti: 1,066
Penyertaan Khalayak: 412,417 orang

STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA

TAHUN	PROGRAM / AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
2009	8,798	1,700,000
2010	11,700	703,091
2011	25,962	2,485,925
2012	49,570	3,214,066
2013	59,040	3,495,317
2014	63,662	3,839,794
2015	81,792	4,494,386
2016	85,436	7,240,926
2017	98,254	10,058,821
2018	96,223	10,186,436
JUMLAH	580,437	47,418,762



Perpustakaan Negara Malaysia

232, Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur

Tel: 03-2687 1700

Faks: 03-2694 2490



PerpustakaanNegaraMalaysia



PNM_Rasmi



Pnm_rasmi



Perpustakaan Negara Malaysia